



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 4 Tahun 2018

PENAMBAHNAIKAN GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) 2018

1.0 TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan garis panduan kenaikan pangkat staf akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2018 telah diluluskan pemakaianya melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke 154 pada 20 September 2016.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Cadangan penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Akademik telah dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis Sumber Manusia Ke 6 Tahun 2016 bertarikh pada 24 Ogos 2016 dan telah diperakukan untuk dibawa kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk kelulusan tarikh pelaksanaan.
- 2.2 Lembaga Pengarah Universiti melalui mesyuarat LPU Ke 154 bertarikh pada 20 September 2016 telah membuat keputusan bersetuju dengan cadangan Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UiTM berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.
- 2.3 Walaubagaimanapun, Majlis Sumber Manusia melalui mesyuarat MSM Ke 12 bertarikh 14 Februari 2017 telah memperakukan cadangan Penangguhan Tarikh Kuatkuasa Garis Panduan Kenaikan Pangkat Akademik UiTM yang telah dikemukakan oleh Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MiTASA) sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

- 2.4 Majlis Sumber Manusia melalui mesyuarat MSM Kali ke 21 bertarikh 26 Disember 2017 telah berkeputusan untuk melaksanakan penggunaan garis panduan kenaikan pangkat staf akademik UiTM yang baharu berkuatkuasa pada 1 Julai 2018.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Secara umum, garis panduan ini menyediakan penambahbaikan dari aspek tujuh (7) kriteria penilaian serta syarat-syarat bagi semua gred kenaikan pangkat. Selain dari itu, ia menyediakan empat (4) kaedah penilaian yang boleh dipilih oleh calon-calon kenaikan pangkat mengikut kekuatan diri masing-masing, untuk ke jawatan Profesor Madya gred 54 dan Profesor Gred Khas C (VK7) seperti berikut:

Kaedah 1	:	Pengajaran dan Pembelajaran
Kaedah 2	:	Penyelidikan (Felo / Penyelidik / Saintis)
Kaedah 3	:	Pengamal
Kaedah 4	:	Kepimpinan Institusi

- 3.2 Kenaikan pangkat berikut adalah tanpa proses penilaian melalui *template*:

3.2.1 Dari gred 41 ke gred 46

Tertakluk kepada kelayakan Sarjana dan memenuhi syarat-syarat skim, syarat-syarat am serta syarat-syarat lain yang ditetapkan, jika ada.

3.2.2 Dari gred 45/46 ke gred 52

Tertakluk kepada calon yang mempunyai kelayakan PhD atau setara dan memenuhi syarat-syarat skim, syarat-syarat am dan syarat-syarat lain yang ditetapkan, jika ada.

- 3.2 Untuk makluman YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan juga, pihak Jawatankuasa Projek sedang menyediakan pemarkahan terperinci serta *template* penilaian bagi urusan kenaikan pangkat ini. Maklumat berkaitan urusan kenaikan pangkat ini akan dimuat naik dalam *i-staff portal* apabila telah lengkap disediakan dan akan dimaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab untuk tindakan selanjutnya.
- 3.3 Dokumen permohonan lengkap yang diterima oleh Sekretariat Kenaikan Pangkat Staf Akademik, Bahagian Kemajuan Kerjaya sebelum 1 Julai 2018 tidak tertakluk kepada penggunaan kriteria yang baharu.

3.4 Kerjasama YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan amat diharapkan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua pensyarah di bawah seliaan masing - masing.

TARIKH DIKELUARKAN


4.0 Pekeliling ini dikeluarkan pada 15 Mac 2018.

TARIKH KUATKUASA

5.0 Pekeliling ini berkuatkuasa 1 Julai 2018.

Sekian,

Yang benar



PROFESOR DR. HJ. MOHAMAD KAMAL HJ. HARUN
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti / Akademi*

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 15 Mac 2018











GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Tahun 2018

**GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT
STAF AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
TAHUN 2018**

PENGENALAN

1. Secara umum, garis panduan ini menjelaskan syarat, kriteria, prosedur, proses dan kaedah pemarkahan kenaikan pangkat pensyarah UiTM yang meliputi kenaikan pangkat gred - gred jawatan berikut di bawah Sistem Saran Malaysia dan gred - gred jawatan yang setaraf dengannya dalam Sistem Saran Baru:
 - a) kenaikan pangkat dari gred 41 ke gred 46;
 - b) kenaikan pangkat dari gred 45/46 ke gred 52;
 - c) kenaikan pangkat dari gred 51/52 ke gred 54 (Profesor Madya);
 - d) kenaikan pangkat dari gred 53/54 ke gred Khas C (Profesor VK7);
 - e) kenaikan pangkat Dalam Keadaan Istimewa dari gred 45/46, gred 51/52 ke gred Khas C (Profesor VK7); dan
 - f) peningkatan gred Profesor ke gred yang lebih tinggi.
2. Pensyarah kontrak (selepas bersara) boleh memohon untuk semakan semula kontrak bagi peningkatan gred tertakluk kepada kriteria dan prosedur yang sama.
3. Garis Panduan ini tidak melibatkan pensyarah kontrak (Tabung Amanah PTJ), pensyarah sementara dan calon luar yang dilantik terus untuk memegang jawatan naik pangkat.
4. Peningkatan kerjaya (kenaikan pangkat) mengikut skim perkhidmatan pensyarah UiTM dapat diperjelaskan pada jadual 1 seperti berikut:

Keadaan Biasa	Gred Jawatan	Keadaan Istimewa
	Gred Khas Turus I (Profesor Ulung)	<p>Penilaian dan lantikan dilaksanakan oleh Kementerian</p> 
	Gred Khas Turus II (Profesor Ulung)	
	Gred Khas Turus III (Profesor Ulung)	
	Gred Khas A (Profesor VK5)	
	Gred Khas B (Profesor VK6)	
	Gred Khas C (Profesor VK7)	
	Profesor Madya (gred 54) <i>(Lantikan terus: gred 53)</i>	
	Pensyarah Kanan (gred 52) <i>(Lantikan terus : gred 51)</i>	
	Pensyarah (gred 46) <i>(Lantikan terus : gred 45)</i>	
	Pensyarah Muda (gred 41)	

Jadual 1 : Laluan kenaikan mengikut skim perkhidmatan pensyarah UiTM

SYARAT KENAIKAN PANGKAT

Pada umumnya kenaikan pangkat pensyarah tidak berasaskan kekosongan jawatan. Kenaikan pangkat pensyarah hendaklah berasaskan kepada tahap kecemerlangan akademik sebagaimana yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM di bawah Sistem Saran Malaysia atau Sistem Saran Baru, iaitu:

1. Syarat am kenaikan pangkat
 - 1.1 Disahkan dalam perkhidmatan;
 - 1.2 Telah mengisytiharkan harta dan liabiliti;
 - 1.3 Menandatangani Surat Aku Janji;
 - 1.4 Memiliki kelayakan:
 - 1.4.1 Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - 1.4.2 Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau
 - 1.4.3 Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - 1.5 Mencapai tahap kecemerlangan akademik berdasarkan Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM;
 - 1.6 Bebas dari tindakan tatatertib atau mahkamah;
 - 1.7 Bebas dari status senarai hitam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) atau mana-mana pinjaman pendidikan;
 - 1.8 Memenuhi peraturan - peraturan lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti dan Pekeliling Timbalan Naib Canselor (A&A) berkaitan kenaikan pangkat staf akademik;
 - 1.9 Bagi mana - mana fakulti yang tertakluk kepada badan Profesional yang berkaitan (di bawah akta parlimen), perlu berdaftar dengan badan berkaitan; dan
 - 1.9 Diperakui oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan.

KRITERIA PENILAIAN

1. Kenaikan pangkat berikut adalah tanpa proses penilaian melalui template:
 - 1.1 Dari gred 41 ke gred 46
Tertakluk kepada kelayakan Sarjana dan memenuhi syarat - syarat skim, syarat – syarat am serta syarat - syarat lain yang ditetapkan, jika ada.
 - 1.2 Dari gred 45/46 ke gred 52
Tertakluk kepada calon yang mempunyai kelayakan PhD atau setara dan memenuhi syarat - syarat skim, syarat - syarat am dan syarat - syarat lain yang ditetapkan, jika ada.
2. Kenaikan pangkat ke gred 54 dan ke atas adalah tertakluk kepada penilaian berdasarkan tujuh (7) kriteria berikut:
 - 2.1 Pengajaran dan Penyeliaan Pasca Siswazah
 - 2.2 Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan
 - 2.3 Perundingan dan / atau Kepakaran
 - 2.4 Inovasi / Pengkomersilan / Keusahawanan
 - 2.5 Khidmat (Universiti / Masyarakat / Pelajar)
 - 2.6 Sanjungan dan Anugerah Akademik
 - 2.7 Kepimpinan Akademik dan Kualiti Keperibadian

KENAIKAN PANGKAT KE GRED 46

1. Pensyarah Muda gred 41 layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah gred 46 apabila:
 - 1.1 memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - 1.2 memperoleh LNPT minima 80% bagi tiga (3)tahun berturut - turut atau minima 50% bagi staf cuti belajar.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED 52

1. Pensyarah gred 45/46 layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan gred 52 [atau di bawah SSB: Pensyarah gred DM3 layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan gred DM2] apabila:
 - 1.1 Mempunyai kelayakan PhD / DBA / Sarjana Profesional (Perubatan / Pergigian) atau setara* ATAU
 - 1.2 Memenuhi tempoh perkhidmatan selama 20 tahun; DAN
 - 1.3 Memperolehi LNPT minima 80% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut - turut atau minima 50% bagi staf cuti belajar.

*Mana - mana kelayakan yang disokong oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik dan diluluskan oleh Senat serta disahkan diperingkat Majlis Sumber Manusia.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED 54

1. Pensyarah Kanan gred 51/52 layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya gred 54 [atau di bawah SSB: Pensyarah gred DM2 layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya gred DM1] apabila:
 - 1.1 mempunyai kelayakan PhD / DBA / Sarjana Profesional (Perubatan / Pergigian) atau setara;
 - 1.2 telah berada selama sekurang - kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa;
 - 1.3 LNPT minima 80% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut - turut atau minima 50% bagi staf cuti belajar / cuti sabatikal / Latihan Profesional / dsb.
2. Pensyarah gred 45/46 layak dipertimbangkan dalam keadaan istimewa bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya gred 54 apabila:
 - 2.1 mempunyai kelayakan PhD / DBA / Sarjana Profesional (Perubatan / Pergigian) atau setara;
 - 2.2 telah berada selama sekurang - kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa dan;
 - 2.3 LNPT minima 90% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut - turut; dan
 - 2.4 markah keseluruhan (jumlah besar) penilaian mengikut templat kenaikan pangkat adalah 90% dan ke atas.

Kriteria yang perlu dipenuhi mengikut kaedah penilaian ke gred 54 yang dipilih:

<u>Kaedah 1:</u> Pengajaran dan Pembelajaran	<u>Kaedah 2 :</u> Penyelidikan (Felo/Penyelidik/Saintis)	<u>Kaedah 3:</u> Pengamal	<u>Kaedah 4:</u> Kepimpinan Institusi
Syarat Wajib:			
Menggraduatkan sekurang - kurangnya seorang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana secara penyelidikan sebagai penyelia utama atau sekurang - kurangnya dua (2) orang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana secara penyelidikan sebagai penyelia bersama (berdasarkan perakuan Senat Universiti atau tarikh anugerah Universiti) dan dua (2) kriteria khusus.			
atau			
Pensyarah servicing (pensyarah sepenuh masa di fakulti atau kampus negeri di mana tiada program Ijazah Kedoktoran dan Sarjana secara penyelidikan dijalankan dan perlu memenuhi empat (4) kriteria khusus.)			
Kriteria Umum:			
<ul style="list-style-type: none"> • Penilaian Pelajar (SuFO atau setara) – memenuhi markah minima 80% untuk tahun dinilai • <i>Teaching portfolio</i> atau fail kursus mengikut format Universiti • Memenuhi Amanah Tugas Pensyarah Universiti • Memenuhi tiga (3) aktiviti pelajar yang diiktiraf oleh universiti 			
Kriteria Wajib: a) Telah menghasilkan sekurang-kurangnya empat (4) hasil akademik: - artikel dalam jurnal berindeks / berwasit dan yang dikenalpasti oleh Universiti / Fakulti; atau	Kriteria Wajib: a) Sepuluh (10) penerbitan bagi yang ditindikkan di CoE dan tujuh (7) penerbitan bagi yang berada di Fakulti / Cawangan dalam jurnal berindeks Scopus atau Thomson Reuters (<i>formerly ISI</i>) atau Excellence in Research For Australia	Kriteria Wajib: a) Telah menghasilkan sekurang-kurangnya empat (4) hasil yang berkaitan dengan bidang kepakaran dalam gred jawatan semasa; [minimum satu (1) hasil setahun]	Kriteria Wajib: a) Telah menghasilkan sekurang-kurangnya tiga (3) hasil akademik (artikel dalam jurnal berindeks / berwasit dan yang dikenalpasti oleh Universiti / Fakulti; atau buku oleh penerbit yang diiktiraf oleh Universiti dalam gred jawatan semasa dalam bidang

<ul style="list-style-type: none"> - buku oleh penerbit yang diiktiraf oleh Universiti sekurang-kurangnya dua (2) dalam bidang pengajaran dan pembelajaran [minimum satu (1) penerbitan setahun] b) Menjadi pakar rujuk dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa (sekurang-kurangnya 2). 	<p>(formerly ERA) atau jurnal berimpak tinggi (<i>impact factor</i>) sebagai penulis utama / senior / <i>corresponding</i> dalam bidang kepakaran yang berkaitan;</p> <p>[minimum dua (2) penerbitan setahun]</p> <p>b) Menjadi sekurang-kurangnya Ketua untuk satu (1) projek geran luar UiTM;</p> <p>c) Menjadi penyelia utama atau bersama bagi pelajar Pasca Siswazah (Penyelidikan) (minima dua (2) - semasa). Pengecualian diberi kepada pensyarah <i>servicing</i> dan perlu memenuhi 4 kriteria khusus.</p>	<p>b) Menjadi penyelia utama atau bersama bagi projek pelajar di peringkat Sarjana dalam bidang kepakaran (sekurang-kurangnya 2);</p> <p>c) Menjana pendapatan bagi universiti dengan nilai bersih RM300 ribu.</p>	<p>kepimpinan;</p> <p>b) Menjadi pakar rujuk dalam bidang kepimpinan / pembangunan akademik di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa / dilantik memegang jawatan di peringkat kebangsaan.</p>
<p>Kriteria Khusus; minimum empat (4) bagi pensyarah <i>servicing</i>: (Pencapaian individu)</p> <p>Memenuhi minimum mana - mana dua (2) kriteria berikut:</p> <p>a) Pembangun <i>Massive Open Online Courses (MOOC)</i> yang aktif digunakan oleh pelajar.</p> <p>b) Menerima pengiktirafan atau anugerah bagi pengajaran dan pembelajaran atau penyelidikan atau profesional (contoh: anugerah akademik negara).</p> <p>c) Menjadi penyelia dan mentor kepada pelajar Pasca Siswazah (dalam dan luar negara)</p> <p>d) Penyelia / mentor kepada pensyarah untuk dapatkan kelayakan profesional.</p>	<p>Kriteria Khusus:</p> <p>Memenuhi mana - mana dua (2) kriteria kepimpinan berikut yang memberi impak signifikan kepada Fakulti/ Universiti/ Negara:</p> <p>a) Pembangunan prasarana (Pembangunan pusat baru / fakulti / kampus / makmal penyelidikan / Pusat Kecemerlangan);</p>		

<ul style="list-style-type: none"> e) Menjadi Pemeriksa Tesis (dalam dan luar negara). f) Menjadi perunding dalam perkhidmatan profesional. g) Penglibatan dalam pembangunan garis panduan / polisi / piawai di peringkat Universiti, kebangsaan atau antarabangsa. h) Menjadi panel penilai yang berkaitan dengan penyelidikan / badan professional di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. i) Menerima pengiktirafan melalui lantikan akademia dari universiti luar. * Rujuk garis panduan pelantikan akademia. j) Penglibatan dalam aktiviti pengantarabangsaan seperti: <ul style="list-style-type: none"> i. Menyelia pelajar dari luar negara; ii. Terlibat sebagai tenaga pengajar untuk 'summer program'; iii. Membangunkan pakej 'summer program'; k) Perintis MOU / MOA yang menjana pendapatan bersih untuk UiTM (dengan bukti bayaran kepada Bendahari UiTM). l) Perintis MOU / MOA yang membuka ruang kepada aktiviti masyarakat atau latihan industri (dengan bukti aktiviti dilaksanakan). m) Menjana pendapatan kepada universiti secara bersih dengan nilai melebihi RM 300 ribu. n) Mana - mana pencapaian yang tiada di dalam senarai di atas. 	<ul style="list-style-type: none"> b) Pembangunan akademik (universiti dan negara) (program baru, pengiktirafan badan profesional / jaringan); c) Pembangunan pelajar (Mobiliti pelajar, keusahawanan, inovasi, pameran, pertandingan, kepimpinan); d) Perancangan, pelaksanaan dan pencapaian pembangunan sumber manusia; e) Pembangunan komuniti (kejayaan program pembangunan sosial); f) Sistem pengurusan kualiti (pengawasan, penjimatan, optimum sumber); g) Penjanaan hasil / pendapatan (membawa masuk geran penyelidikan dan / atau pembangunan, pengkomersilan, perundingan, konferensi, tajaan) h) Meningkatkan penarafan fakulti di peringkat kebangsaan dan atau antarabangsa i) Pencapaian GE mngikut sasaran / KPI universiti;
--	--

	<p>j) Pencapaian GOT mengikut sasaran / KPI universiti;</p> <p>k) Memimpin kolaborasi antarabangsa, contoh: pelaksanaan ‘summer program’.</p>
<p>Nota: <u>Hanya</u> hasil akademik / data penyelidik / perundingan yang didaftarkan di dalam sistem sokongan Universiti seperti PRISMA / IRIS / OPAL atau mana - mana sistem berkaitan akan <u>dambil kira</u> untuk penilaian kenaikan pangkat.</p>	

KENAIKAN PANGKAT KE GRED VK7

1. Pensyarah / Profesor Madya gred 53/54 atau gred DM1 (SSB) yang telah menunjukkan kecemerlangan akademik layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor gred khas C (VK7) apabila:
 - 1.1 mempunyai Ijazah PhD / DBA / Sarjana Profesional (Perubatan / Pergigian) atau setara;
 - 1.2 telah berada selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa;
 - 1.3 LNPT minima 80% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut atau minima 50% bagi staf cuti belajar / cuti sabatikal /Latihan Profesional;
 - 1.4 menggraduatkhan sekurang-kurangnya seorang pelajar Ijazah PhD / DBA atau yang setara dengannya seperti berikut:
 - 1.4.1 1 PhD atau 1 Sarjana Klinikal sebagai Penyelia Utama.
2. Pensyarah / Pensyarah Kanan gred 51/52 atau gred DM2 (SSB) layak dipertimbangkan dalam keadaan istimewa bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor gred khas C (VK7) apabila:
 - 2.1 mempunyai Ijazah PhD / DBA / Sarjana Profesional (Perubatan / Pergigian) atau setara;
 - 2.2 telah berada selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa;
 - 2.3 LNPT minima 90% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut;
 - 2.4 markah keseluruhan (jumlah besar) penilaian mengikut templat kenaikan pangkat adalah 90% dan ke atas;
 - 2.5 menggraduatkhan sekurang-kurangnya seorang pelajar Ijazah PhD / DBA atau yang setara dengannya seperti berikut:
 - 2.5.1 1 PhD atau 1 Sarjana Klinikal sebagai Penyelia Utama.
 - 2.6 menerima anugerah berprestij;
 - 2.7 telah membina jaringan kukuh dengan industri dan IPT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
3. Pensyarah gred 45/46 layak dipertimbangkan dalam keadaan istimewa bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor gred khas C (VK7) apabila:
 - 3.1 mempunyai Ijazah PhD / DBA / Sarjana Profesional (Perubatan / Pergigian) atau setara;
 - 3.2 telah berada selama sekurang - kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa;
 - 3.3 LNPT minima 95% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut - turut;

- 3.4 markah keseluruhan (jumlah besar) penilaian mengikut templat kenaikan pangkat adalah 95% dan ke atas;
- 3.5 menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang pelajar Ijazah PhD / DBA atau yang setara dengannya seperti berikut:
 - 3.5.1 1 PhD atau 1 Sarjana Klinikal sebagai Penyelia Utama.
- 3.6 menerima anugerah berprestij;
- 3.7 telah membina jaringan kukuh dengan industri dan IPT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kriteria yang perlu dipenuhi mengikut kaedah penilaian ke gred VK7 yang dipilih:

<u>Kaedah 1:</u> Pengajaran dan Pembelajaran	<u>Kaedah 2 :</u> Penyelidikan (Felo/Penyelidik/Saintis)	<u>Kaedah 3:</u> <i>Pengamal Profesional (Practitioner)</i>	<u>Kaedah 4:</u> Kepimpinan Institusi
<p>Syarat Wajib:</p> <p>Menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang pelajar Ijazah kedoktoran, sebagai penyelia utama (berdasarkan perakuan Senat Universiti atau tarikh anugerah Universiti)</p> <p>atau</p> <p>Pensyarah servicing (pensyarah sepenuh masa di fakulti atau kampus negeri di mana tiada program Ijazah Kedoktoran dan Sarjana secara penyelidikan dijalankan dan perlu memenuhi lima (5) kriteria khusus.</p>	<p>Syarat Wajib:</p> <p>Menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang pelajar Ijazah kedoktoran, sebagai penyelia utama (berdasarkan perakuan Senat Universiti atau tarikh anugerah Universiti);</p> <p>atau</p> <p>Penglibatan sekurang-kurangnya 15 tahun serta pengiktirafan dari industri di dalam bidang berkaitan di peringkat kebangsaan / antarabangsa;</p> <p>atau</p> <p>Sumbangan luar biasa / signifikan yang memberi impak dan mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan / antarabangsa;</p> <p>atau</p> <p>Menjana pendapatan melalui perundingan untuk Universiti dengan nilai bersih RM1 juta secara kumulatif.</p>	<p>Syarat Wajib:</p> <p>Menggraduatkan sekurang-kurangnya seorang pelajar Ijazah kedoktoran, sebagai penyelia utama (berdasarkan perakuan Senat Universiti atau tarikh anugerah Universiti)</p> <p>atau</p> <p>Sumbangan luar biasa / signifikan yang memberi impak dan mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan / antarabangsa</p>	

<p>Kriteria Umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian Pelajar (SuFO atau setara) memenuhi markah minima 80% • <i>Teaching portfolio</i> atau fail kursus mengikut format Universiti • Memenuhi Amanah Tugas Pensyarah Universiti • Memenuhi tiga (3) aktiviti pelajar yang diiktiraf oleh universiti 			
<p>Kriteria Wajib:</p> <p>a) Telah menghasilkan sekurang-kurangnya tujuh (7) hasil akademik: - artikel dalam jurnal berindeks / berwasit dan yang dikenalpasti oleh Universiti / Fakulti; atau - buku oleh penerbit yang diiktiraf oleh Universiti dalam gred jawatan semasa dalam bidang pengajaran dan pembelajaran atau kepakaran; [minimum satu (1) penerbitan setahun]</p> <p>b) Menjadi pakar rujuk dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di peringkat kebangsaan / antarabangsa (sekurang-kurangnya dua (2));</p>	<p>Kriteria Wajib:</p> <p>a) 18 penerbitan bagi yang ditindikkan di CoE dan 15 penerbitan bagi yang berada di fakulti / cawangan dalam jurnal berindeks Scopus atau Thomson Reuters (<i>formerly ISI</i>) atau Excellence in Research For Australia (<i>formerly ERA</i>) atau jurnal berimpak tinggi atau impact factor sebagai penulis utama / senior / corresponding dalam bidang kepakaran dan berkaitan; [minimum dua (2) penerbitan setahun]</p> <p>b) Menjadi Ketua Penyelidik untuk sekurang-kurangnya dua (2) projek dengan geran luar dari UiTM;</p> <p>c) Menjadi penyelia utama atau bersama bagi pelajar Pasca Siswazah (Penyelidikan) (minima dua (2) – bagi tahun semasa).</p>	<p>Kriteria Wajib</p> <p>a) Menghasilkan tujuh (7) hasil dalam bidang kepakaran dan diiktiraf oleh Universiti / industry / kebangsaan / antarabangsa;</p> <p>b) Menjadi pakar rujuk / panel penilai / juri / pemeriksa / panel penasihat dalam bidang kepakaran di peringkat kebangsaan / antarabangsa;</p> <p>c) Menjalankan kolaborasi pembangunan bidang kepakaran dengan mana-mana institusi dalam atau luar Negaradengan impak yang nyata kepada UiTM;</p> <p>d) Menjana pendapatan melalui perundingan untuk universiti dengan nilai bersih RM500 ribu secara kumulatif.</p>	<p>Kriteria Wajib:</p> <p>a) Telah menghasilkan sekurang-kurangnya lima (5) hasil akademik: - artikel dalam jurnal berindeks / berwasit dan yang dikenalpasti oleh Universiti / Fakulti; atau - buku oleh penerbit yang diiktiraf oleh Universiti dalam gred jawatan semasa dalam bidang kepimpinan;</p> <p>b) Menjadi pakar rujuk dalam bidang kepimpinan / pembangunan akademik di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa / dilantik memegang jawatan di peringkat kebangsaan;</p>

<p>c) Menjalankan kolaborasi pembangunan akademik dengan mana-mana institusi dalam atau luar negara; atau Menjadi Pemeriksa Luar di dalam atau luar negara.</p>	<p>d) Menjalankan penyelidikan bersama (joint research) / kolaborasi dengan mana-mana institusi dalam atau luar negara; atau Mendapat geran penyelidikan antarabangsa; atau Menjadi Pemeriksa Luar di dalam atau luar negara.</p>		<p>c) Menjalankan kolaborasi antarabangsa dengan mana-mana institusi dalam atau luar negara yang membawa kepada mobiliti dan menaikkan nama fakulti/UiTM ke peringkat dunia; atau Menjadi Pemeriksa Luar di dalam atau luar negara.</p>
<p>Kriteria Khusus: Wajib memenuhi minimum mana-mana tiga (3) kriteria berikut:</p> <p>a) Mengemukakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran; b) Penilaian pengajaran dan pembelajaran di dalam kuliah oleh Jawatankuasa Penilai yang dilantik oleh Universiti (memenuhi markah minima 80% bagi dua (2) kursus yang diajar); c) Menghasilkan buku / penerbitan yang dijadikan</p>	<p>Kriteria Khusus: Wajib memenuhi minimum mana-mana tiga (3) kriteria berikut:</p> <p>a) Mengemukakan mana-mana inovasi dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D); b) Penilaian pengajaran dan pembelajaran di dalam kuliah oleh Jawatankuasa Penilai yang dilantik oleh Universiti (memenuhi markah minima 80% bagi sekurang-kurangnya satu (1) kursus yang diajar);</p>	<p>Kriteria Khusus: Wajib memenuhi minimum mana-mana tiga (3) kriteria berikut:</p> <p>a) Mengemukakan mana-mana inovasi dalam bidang kepakaran;</p>	<p>Kriteria Khusus: Wajib memenuhi mana-mana tiga (3) kriteria berikut:</p> <p>a) Pembangunan prasarana (Pembangunan pusat baru / fakulti / kampus / makmal penyelidikan / Pusat Kecemerlangan); b) Pembangunan akademik (universiti dan negara) (program baru, pengiktirafan badan profesional / jaringan);</p>

sebagai rujukan bagi kursus di peringkat Universiti mengikut bidang;	c) Menghasilkan buku / penerbitan yang dijadikan sebagai rujukan bagi kursus di peringkat Universiti mengikut bidang;	c) Menghasilkan buku / penulisan / penerbitan / karya kreatif yang dijadikan rujukan di peringkat Universiti atau industri mengikut bidang;	c) Pembangunan pelajar (Mobiliti keusahawanan, inovasi, pameran, pertandingan, kepimpinan);
d) Penglibatan dalam pembangunan kurikulum, kursus dan program baru;	d) Penglibatan dalam pembangunan kurikulum, kursus dan program baru;	d) Penglibatan dalam pembangunan kurikulum, kursus dan program baru, pembangunan polisi, garis panduan dan standard untuk industri;	d) Perancangan, pelaksanaan dan pencapaian pembangunan sumber manusia;
e) Menerima pengiktirafan atau anugerah dalam bidang kepakaran (peringkat kebangsaan / antarabangsa);	e) Menerima pengiktirafan atau anugerah dalam bidang kepakaran (peringkat kebangsaan / antarabangsa)	e) Menerima pengiktirafan atau anugerah dalam bidang kepakaran peringkat kebangsaan / antarabangsa;	e) Pembangunan komuniti (kejayaan program pembangunan sosial);
f) Menjadi penyelia kepada pelajar Pasca Siswazah;	f) Menjadi penyelia kepada pelajar Pasca Siswazah;	f) Menjadi penyelia kepada pelajar Pasca Siswazah atau menyelia projek profesional berkaitan bidang;	f) Sistem pengurusan kualiti (pengawasan, penjimatan, optimum sumber);
g) Menjadi Pemeriksa Tesis / disertasi / projek yang diiktiraf di peringkat Pasca Siswazah;	g) Menjadi Pemeriksa Tesis / disertasi / projek yang diiktiraf di peringkat Pasca Siswazah;	g) Menjadi Pemeriksa Tesis / disertasi / projek yang diiktiraf di peringkat Pasca Siswazah;	g) Penjanaan hasil / pendapatan (membawa masuk geran penyelidikan dan / atau pembangunan, pengkomersilan, perundingan, konferensi, tajaan)
h) Penjanaan hasil / pendapatan (membawa masuk geran penyelidikan dan / atau pembangunan, pengkomersilan, perundingan, konferensi, tajaan);	h) Penjanaan hasil / pendapatan (membawa masuk geran penyelidikan dan / atau pembangunan, pengkomersilan, perundingan, konferensi, tajaan);	h) Penjanaan hasil / pendapatan (membawa masuk geran penyelidikan dan / atau pembangunan, pengkomersilan, perundingan, konferensi, tajaan);	h) Meningkatkan penarafan fakulti di peringkat kebangsaan dan atau antarabangsa;
i) Menjadi perunding dan perkhidmatan professional;	i) Menjadi perunding dan perkhidmatan professional;	i) Menjadi perunding dan perkhidmatan professional;	i) Pencapaian GE mngikut sasaran / KPI universiti;
j) Penglibatan dalam pembangunan garis panduan /polisi /piawai;	j) Penglibatan dalam pembangunan garis panduan /polisi /piawai;		
k) Menjadi panel penilai yang berkaitan dengan penyelidikan		i) Menjadi perunding dan perkhidmatan professional;	

<p>/ badan professional;</p> <p>I) Menerima lantikan akademia dari universiti luar. * Rujuk garis panduan pelantikan akademia.</p>	<p>k) Menjadi panel penilai yang berkaitan dengan penyelidikan / badan professional;</p> <p>l) Menerima lantikan akademia dari universiti luar. * Rujuk garis panduan pelantikan akademia.</p>	<p>j) Penglibatan dalam pembangunan garis panduan /polisi /piawai;</p> <p>k) Menjadi panel penilai yang berkaitan dengan penyelidikan / badan professional;</p> <p>l) Menerima lantikan akademia dari universiti luar. * Rujuk garis panduan pelantikan akademia.</p>	<p>j) Pencapaian GOT mengikut sasaran / KPI universiti;</p> <p>k) Memimpin kolaborasi antarabangsa, contoh: pelaksanaan 'summer program'.</p>
<p>m) Penglibatan dalam aktiviti pengantarabangsaan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyelia pelajar dari luar negara; ii. Terlibat sebagai tenaga pengajar untuk 'summer program'; iii. Membangunkan pakej 'summer program'; <p>n) Perintis MOU / MOA yang menjana pendapatan bersih untuk UiTM (dengan bukti bayaran kepada Bendahari UiTM).</p> <p>o) Perintis MOU / MOA yang membuka ruang kepada aktiviti masyarakat atau latihan industri (dengan bukti aktiviti dilaksanakan).</p> <p>p) Menjana pendapatan kepada universiti secara bersih dengan nilai melebihi RM500 ribu.</p>			

Nota: Hanya hasil akademik / data penyelidik / perundingan yang didaftarkan di dalam sistem sokongan Universiti seperti PRISMA / IRIS / OPAL atau mana-mana sistem berkaitan akan diambil kira untuk penilaian kenaikan pangkat.

Rumusan Kaedah Penilaian Kenaikan Pangkat ke Gred DM54 dan VK7

	Kriteria-Kriteria Umum	Ke Gred 54 (Profesor Madya)	Catatan
1.	Pengajaran dan Penyeliaan Pasca Siswazah	Kriteria mengikut empat (4)kaerah penilaian: Kaedah Penilaian 1: Pengajaran dan Pembelajaran	Pensyarahan wajib memenuhi syarat ketujuh-ketujuh kriteria ini, dengan memenuhi markah minima 1 bagi setiap kriteria.
2.	Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan	Kaedah Penilaian 2 : Penyelidikan (Felo /Penyelidik/Saintis)	
3.	Perundingan dan/atau Kepakaran	Kaedah Penilaian 3: Pengamal Professional	
4.	Inovasi/Pengkomersilan/Keusahawanan	Kaedah Penilaian 4: Kepimpinan Akademik	
5.	Khidmat (Universiti/Masyarakat/ Pelajar)		
6.	Sanjungan dan Anugerah Akademik		
7.	KepimpinanAkademik dan Kualiti Keperibadian		
Jumlah		60 -100	

Rumusan Pemarkahan Penilaian Kenaikan Pangkat ke Gred DM54 dan VK7

Kriteria-Kriteria Umum	Kaedah Penilaian 1: Pengajaran dan Pembelajaran	Kaedah Penilaian 2 : Penyelidikan (Felo/ Penyelidik/Saintis)	Kaedah Penilaian 3: Pengamal	Kaedah Penilaian 4: Kepimpinan Institusi	
1. Pengajaran dan Penyeliaan Pasca Siswazah	50	20	30	50	
2. Penyelidikan, Penerbitan dan Persidangan	30	60	50		
3. Perundingan dan/atau Kepakaran					
4. Inovasi / Pengkomersilan / Keusahawanan					
5. Khidmat (Universiti / Masyarakat / Pelajar)	20	20	20	50	
6. Sanjungan dan Anugerah Akademik					
7. KepimpinanAkademik dan Kualiti Keperibadian					

Jadual 3 : Rumusan pemarkahan kenaikan pangkat Gred 54

Nota:

- a. Calon perlu memenuhi markah minima 60%.
- b. Staf akademik yang dilantik sebagai Pentadbir Akademik layak memohon di bawah kaerah penilaian 4.

Senarai Contoh Aktiviti Pelajar yang Diiktiraf oleh Universiti

1	Fasilitator program kemahiran insaniah
2	Penyedia modul kemahiran insaniah
3	Penasihat/ mentor akademik pelajar
4	Penasihat persatuan/ kelab pelajar
5	Penasihat program bukan akademik pelajar
6	Jawatankuasa aktiviti pelajar (contoh: pilihanraya, MMS, dll)
7	Jurulatih sukan peringkat fakulti / universiti / kebangsaan / antarabangsa
8	Pengadil sukan peringkat fakulti/ universiti / kebangsaan / antarabangsa
9	Jawatankuasa SAU
10	Jawatankuasa SAF
11	Jurulatih program bukan akademik (contoh: debat, pantun, kebudayaan, dll) peringkat fakulti/ universiti / kebangsaan / antarabangsa
12	Jawatankuasa orientasi peringkat fakulti, malam pra-graduan, konvokesyen
13	Jawatankuasa pangkalan data alumni peringkat fakulti
14	Fasilitator / penceramah program KACA
15	Jawatankuasa program KACA
16	Pegawai pengiring program pelajar
17	Penceramah Program Kemahiran Insaniah

PROSEDUR PERMOHONAN

1. Permohonan untuk pertimbangan kenaikan pangkat staf akademik adalah terbuka sepanjang tahun.
2. Penilaian akan dilakukan bagi calon layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
3. Bahan / hasil akademik / maklumat sokongan permohonan kenaikan pangkat yang dinilai adalah hasil di jawatan semasa. Bahan / hasil akademik / maklumat sokongan permohonan tersebut juga hendaklah didaftarkan di dalam sistem sokongan Universiti seperti OPAL / PRISMA / IRIS / mana-mana sistem berkaitan.
4. Hanya calon yang dilantik memegang jawatan pentadbiran di universiti / kementerian / agensi pusat / kebangsaan / antarabangsa layak memilih kaedah penilaian 4 iaitu Kepimpinan Institusi.
5. Calon yang tidak lagi memegang jawatan diberi 'grace period' maksimum tiga (3) tahun untuk menggunakan kaedah 4.
6. Bagi calon yang dipinjamkan secara dalaman UiTM, Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) jabatan semasa dipanggil untuk turut hadir semasa penilaian oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan.
7. Calon-calon yang mendapat keputusan rasmi gagal / belum layak untuk kenaikan pangkat hanya boleh mengemukakan permohonan rayuan dalam tempoh tidak kurang dari enam (6) bulan dan tidak melebihi setahun dari tarikh keputusan.

PROSEDUR PERMOHONAN KE GRED 46 DAN GRED 52

1. Permohonan lengkap perlu mendapat pengesahan oleh Dekan
2. Permohonan yang diperaku oleh Dekan akan dibentangkan untuk kelulusan Majlis Sumber Manusia (MSM).

PROSEDUR PERMOHONAN KE GRED 54

1. Pensyarah Fakulti / Akademi / Kampus Cawangan: melalui Jawatankuasa Kesepakaran peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ)
2. Jika calon adalah Rektor / Dekan: melalui Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Boleh mengemukakan permohonan mengikut mana-mana pilihan kaedah penilaian 1, 2,3 atau 4.
4. Jawatankuasa Kecil Kesepakaran Fakulti / Akademi / Kampus akan membuat penilaian berdasarkan kriteria berkuatkuasa dan mengemukakan sokongan (minit mesyuarat hendaklah dilampirkan) kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.
5. Jawatankuasa Kecil Kesepakaran Fakulti / Akademi / Kampus akan menetapkan jadual penilaian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan sekiranya ada permohonan.

6. Jawatankuasa Kecil Kesepakaran Fakulti / Akademi / Kampus boleh memberi perakuan kepada calon untuk ke jawatan lebih tinggi dari jawatan yang dipohon atau ke jawatan lebih rendah dari jawatan yang dipohon berdasarkan penilaian yang dilaksanakan.
7. Permohonan yang disokong oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakaran PTJ dikemukakan ke mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan untuk perakuan.
8. Permohonan yang diperaku oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan akan melalui proses penilaian bahan / hasil akademik oleh Penilai Luar dan sesi temuduga sebelum kelulusan Majlis Sumber Manusia (MSM).

PROSEDUR PERMOHONAN KE GRED VK7

1. Pensyarah Fakulti / Akademi / Kampus Cawangan: melalui Dekan / Rektor
2. Jika calon adalah Rektor / Dekan: melalui Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Boleh mengemukakan permohonan mengikut mana-mana pilihan kaedah penilaian 1, 2,3 atau 4.
4. Permohonan calon dikemukakan melalui Dekan / Rektor sebelum dimajukan Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar untuk perakuan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan.
5. Permohonan yang diperaku oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan akan melalui proses penilaian bahan / hasil akademik oleh Penilai Luar dan sesi temuduga sebelum dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

COLLEGIALITY AND CONGENIALITY QUESTIONNAIRE (C&C)

1. C&C merupakan keperluan tambahan kepada urusan kenaikan pangkat staf akademik, terutama bagi calon-calon yang memohon kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya gred 54 dan Profesor gred khas C (VK7).
2. Penilaian Collegiality and Congeniality Questionnaire (C&C) dilaksanakan bertujuan mengukur perhubungan staf dan perlakuan dalam satu kelompok serta sifat staf itu sendiri, samada komited, beretika, jujur, bertanggungjawab dan sebagainya. Pihak Fakulti/ Kampus adalah bertanggungjawab menyediakan laporan mengikut format yang telah ditetapkan.
3. Tatacara pelaksanaan C&C seperti di lampiran.

JAWATANKUASA BERKAITAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

1. Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan

- **Gugusan Sains dan Teknologi**
- **Gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan**
- **Gugusan Pengurusan dan Perniagaan**
- **Gugusan Sains Kesihatan**

1.1 Lantikan

Pengerusi : Naib Canselor
Ahli : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) berdasarkan cadangan Pengerusi

1.2 Tempoh Pelantikan

Pengerusi : Pelantikan adalah secara atas nama jawatan
Ahli : Tempoh pelantikan adalah dua (2) tahun
Bilangan ahli : Minimum lima (5) orang ahli termasuk Pengerusi

1.3 Keanggotaan

Pengerusi	:	Profesor yang dilantik
Ahli	:	Profesor dari fakulti-fakulti di bawah gugusan (sekurang-kurangnya satu (1) wakil dari setiap fakulti)
		*wakil fakulti / Jawatankuasa Kecil Kesepakaran PTJ boleh dijemput untuk turut hadir, jika perlu
Setiausaha	:	Ketua Pentadbiran

1.4 Bidang Kuasa:

- 1.4.1 Membuat penilaian terhadap permohonan kenaikan pangkat staf akademik ke jawatan Profesor Madya (gred 54) dan Profesor (gred VK7).

2. Panel Temuduga

- 2.1 Permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya (gred 54) dan Profesor (gred VK7) yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan akan melalui proses penilaian oleh Penilai Luar dan sesi temu duga.
- 2.2 Hanya calon yang disokong oleh Panel temuduga dan memenuhi syarat Penilai Luar dikemukakan ke Majlis Sumber Manusia / Lembaga Pengarah untuk kelulusan kenaikan pangkat.
- 2.3 Keanggotaan:

Pengerusi	:	Naib Canselor
Ahli	:	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
		Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
		Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
		Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni)
		Dua (2) orang Profesor kanan (gred VK6 / VK5) yang dilantik
Setiausaha	:	Pendaftar

2.4 Lantikan:
 Pengerusi : Lembaga Pengarah
 Ahli : Naib Canselor

Dekan / Rektor yang berkenaan boleh dijemput untuk turut hadir.

2.5 Bidang Kuasa:

- 2.5.1 Menemuduga calon yang telah disokong oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan; dan
- 2.5.2 Membuat perakuan / syor terhadap calon yang sesuai dan layak kepada Majlis Sumber Manusia / Lembaga pengarah untuk kelulusan kenaikan pangkat.

3. Jawatankuasa Penilai Kenaikan Pangkat

3.1 Lantikan
 Pengerusi : Lembaga Pengarah
 Ahli : Naib Canselor

3.2 Keanggotaan

Pengerusi	:	Naib Canselor
Ahli	:	Dua (2) wakil Lembaga Pengarah Universiti
		2 orang Profesor Kanan yang dilantik
		(Profesor yang dilantik mestilah sekurang-kurangnya berada di Gred Khas B hakiki untuk menimbangkan peningkatan Profesor dari Gred Khas C ke Gred Khas B. Untuk pertimbangan ke Gred Khas A, kesemua ahli jawatankuasa mestilah sekurang-kurangnya berada di gred khas A)
Setiausaha	:	Pendaftar

3.3 Bidang Kuasa:

- 3.4.1 Meneliti dan membincangkan permohonan bagi calon profesor yang memohon untuk peningkatan gred ke gred VK6 atau VK5 sebelum dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

PENILAI LUAR

1. Definisi

Penilai Luar ialah seorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang dinilai dan dilantik oleh Universiti untuk menilai hasil kegiatan akademik mengikut Kaedah Pengajaran & Pembelajaran, Kaedah Penyelidikan (Felo/Penyelidik/Saintis), Kaedah Pengamal Profesional dan Kaedah Kepimpinan Institusi bagi calon-calon ke jawatan kenaikan pangkat ke Profesor Madya Gred 54 dan Profesor Gred Khas C (VK7).

2. Pelantikan

2.1 Syarat pelantikan:

- Penilaian permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor (VK7): Profesor dari universiti / institusi pengajian tinggi dalam atau luar negara atau setaraf dengannya
 - Penilaian permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya (DM54): Profesor / Profesor Madya dari universiti / institusi pengajian tinggi dalam atau luar negara atau setaraf dengannya
 - Tidak mempunyai hubungan kekeluargaan / persaudaraan dengan calon yang memohon.
- 2.2 Bagi calon yang tidak menerima penilaian positif dari Penilai Luar, maka Penilai Luar yang sama tidak boleh dilantik semula bagi permohonan kali kedua dan seterusnya.
- 2.3 Bagi calon yang telah melepas syarat penilai luar tetapi gagal temu duga, laporan penilaian oleh Penilai Luar yang sama boleh diterima sekiranya calon memilih kaedah yang sama.

3. Tugas dan Tanggungjawab Penilai Luar

- 3.1 Penilai Luar hendaklah menilai permohonan calon mengikut kaedah penilaian yang dipilih;
- 3.2 Laporan penilaian hendaklah dibuat menggunakan borang Laporan Penilai Luar yang disediakan.

4. Prosedur Pelantikan

- 4.1 Penilai Luar dikenalpasti dan disahkan oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakaran PTJ.
- 4.2 Pencalonan Penilai Luar hendaklah dibuat melalui borang Pencalonan Penilai Luar dan dihantar ke Pejabat Pendaftar beserta *Curriculum Vitae* (CV) lengkap.
- 4.3 Pelantikan hanya akan dilaksanakan setelah Pejabat Pendaftar menerima borang pencalonan dan CV lengkap Penilai Luar.
- 4.4 Penilai Luar dilantik oleh Naib Canselor.
- 4.5 Penilaian permohonan ke jawatan Profesor Madya (DM54):
- Pencalonan sekurang-kurangnya tiga (3) orang dari Jawatankuasa Kecil Kesepakaran;
 - Hanya permohonan yang mendapat sekurang-kurangnya maklumbalas positif dari seorang (1) Penilai Luar layak ke peringkat seterusnya.

- 4.6 Penilaian permohonan ke jawatan Profesor (VK7):
 - Pencalonan sekurang-kurangnya empat (4) orang dari Jawatankuasa Kecil Kesepakaran;
 - Hanya permohonan yang mendapat sekurang-kurangnya maklumbalas positif dari dua (2) orang Penilai Luar (salah seorang hendaklah dari luar negara) layak ke peringkat seterusnya.
- 4.7 Hasil akademik dan CV calon akan dihantar untuk penilaian Penilai Luar setelah persetujuan menerima pelantikan sebagai Penilai Luar diterima dari calon Penilai Luar yang berkenaan. Calon hendaklah menyediakan softcopy/ link hasil akademik untuk penilaian oleh Penilai Luar, jika berkenaan.
- 4.8 Tempoh penilaian oleh Penilai Luar:
 - Penilai Luar dalam negara : empat (4) minggu
 - Penilai Luar luar negara : enam (6) minggu
- 4.9 Bayaran kepada Penilai Luar sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk setiap penilaian diuruskan setelah laporan penilaian diterima oleh Pejabat Pendaftar.

KEPUTUSAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT

1. Keputusan kenaikan pangkat adalah muktamad.
2. UiTM menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009 untuk permohonan kenaikan pangkat dari calon yang sedang disiasat atau telah dikenakan hukuman tatatertib seperti berikut:

JENIS HUKUMAN TATATERIB	TEMPOH TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN KENAIKAN PANGKAT
AMARAN	12 bulan
DENDA	18 bulan
LUCUT HAK EMOLUMEN	24 bulan
TANGGUH PERGERAKAN GAJI	30 bulan
TURUN GAJI	36 bulan
TURUN PANGKAT	48 bulan

PENINGKATAN PROFESOR KE GRED YANG LEBIH TINGGI

1. Urusan peningkatan gred adalah terbuka dan diiklankan/ secara jemputan oleh Naib Canselor.
2. Permohonan akan dibentangkan di dalam Jawatankuasa Penilai Peningkatan Gred untuk diteliti. Proses pemilihan hendaklah dibuat dengan penuh teliti agar Profesor yang mempunyai pengiktirafan dan sanjungan yang tinggi sahaja dipertimbangkan.
3. Syarat kelayakan
 - 3.1 Profesor (VK7) layak memohon untuk peningkatan ke gred VK6 apabila telah:
 - disahkan dalam perkhidmatan;
 - berada sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di VK7 (calon yang belum memenuhi syarat ini boleh dipertimbangkan atas dasar mempunyai prestasi yang luar biasa).
 - diperakuan oleh Ketua Jabatan. Jika calon adalah Rektor / Dekan: melalui Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
 - 3.2 Profesor (VK6) layak memohon untuk peningkatan ke gred VK5 apabila telah:
 - disahkan dalam perkhidmatan;
 - berada sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di VK6 (calon yang belum memenuhi syarat ini boleh dipertimbangkan atas dasar mempunyai prestasi yang luar biasa).
 - diperakuan oleh Ketua Jabatan. Jika calon adalah Rektor / Dekan: melalui Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

4. Kriteria Penilaian

- 4.1 Kriteria penilaian adalah berdasarkan **tujuh (7)** aspek berikut:

Kriteria	Ke VK6 (Khas B)	Ke VK5 (Khas A)	VK7 KE VK5 (Khas A)
Penyeliaan Pelajar (yang dalam penyeliaan/ tamat penyeliaan sama ada sebagai Penyelia Utama atau Penyelia Bersama) (minima pelajar Ph.D) di jawatan semasa.	3 (minima 1 yang bergraduat)	5 (minima 2 yang bergraduat)	7 (minima 3 yang bergraduat)
Penyelidikan (jumlah geran penyelidikan termasuk geran antarabangsa diperolehi)	RM700 ribu	1.0 juta	≥ RM 1.5 juta
Penerbitan	7	10	15
Karya kreatif (atau gabungan mana-mana kriteria pada kadar 1 penerbitan/karya kreatif = geran 100 ribu)	7	10	15
Kepakaran / Anugerah Akademik / Sanjungan / Perundingan / Pemeriksa Luar PhD peringkat antarabangsa	Ada	Ada	Ada
Persidangan (Kebangsaan / Antarabangsa) Sebagai Keynote Speaker dan Invited Speaker)	4	6	8
Khidmat Profesional kepada masyarakat (peringkat Negara, Antarabangsa) atau khidmat kepimpinan tertinggi Universiti	Ada	Ada	Ada

- 4.2 Telah melaksanakan satu (1) syarahan utama Profesor (*Professorial Lecture*) di gred VK7 sebelum boleh dipertimbangkan untuk peningkatan ke gred yang lebih tinggi.
- 4.3 Bagi Profesor di VK6 hendaklah melaksanakan *Professorial Lecture* terlebih dahulu (jika belum) untuk dipertimbangkan bagi peningkatan ke gred yang lebih tinggi.